



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA  
Institute of Islamic Understanding Malaysia

معهد الوعي الإسلامي الماليزي



### PERTANDINGAN MEREKACIPTA VIDEO PENDEK KEFAHAMAN ISLAM (VIPKI)

Untuk Penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT)

## TEMA: 6 NILAI TERAS MADANI

KEMAMPANAN

KESEJAHTERAAN

DAYA CIPTA

HORMAT

KEYAKINAN

IHSAN

### Hadiah wang tunai

HADIAH  
PERTAMA

**RM 15,000**

berserta Sijil Penyertaan dan trofi

HADIAH  
KEDUA

**RM 10,000**

berserta Sijil Penyertaan dan trofi

HADIAH  
KETIGA

**RM 5,000**

berserta Sijil Penyertaan dan trofi

SAGUHATI x 5

**RM 1,000**

berserta Sijil Penyertaan dan trofi

### Syarat Penyertaan:

- Video penyertaan berdurasi **5 MINIT** **HENDAKLAH**
- Format video **HENDAKLAH** dalam bentuk **MOV** atau **MP4** dan beresolusi tinggi **Full HD** atau **Ultra HD**
- Video **HENDAKLAH** berbahasa Melayu

Tarikh tutup penyertaan:

**31 Julai 2025**

Sila layari [www.ikim.gov.my](http://www.ikim.gov.my) untuk terma dan syarat penyertaan

Sebarang pertanyaan sila hubungi Pusat Media IKIM ditalian  
**03 - 6204 6356** atau emailkan kepada [vipkimadani@ikim.gov.my](mailto:vipkimadani@ikim.gov.my)

# **PENGENALAN**

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ditubuhkan sebagai sebuah institut pemikir (think tank) yang bernaung di bawah Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Tujuan utama penubuhan IKIM adalah memupuk kefahaman dan penghayatan Islam yang sebenar dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama negara, IKIM sebagai institusi di bawah Pejabat Perdana Menteri mendapat mandat langsung untuk menyokong agenda pembangunan negara yang seimbang dan holistik merangkumi kemajuan material dan spiritual, selain menyelaras pelbagai perspektif daripada berbagai pihak, seperti ahli akademik, ulama dan pemimpin masyarakat, baik Islam mahupun bukan Islam, demi memelihara perpaduan dan keharmonian dalam negara tercinta ini.

Dengan semangat dan matlamat yang sedemikian, IKIM dengan sukacitanya mengumumkan penganjuran kali ketiga Pertandingan Merekacipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) Untuk Penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2025. Para penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berminat adalah dipelawa untuk menghantarkan karya mereka mengikut tema serta syarat-syarat yang telah ditetapkan.

# **OBJEKTIF**

Pertandingan ini bertujuan:

- Menggalakkan penghasilan video pendek kefahaman Islam bagi membina minda Islami dalam kalangan anak muda dan masyarakat;
- Membawa pelajar dan masyarakat memahami nilai-nilai MADANI dan membawa kepada perubahan, kebaikan dan pembinaan tamadun yang baik;
- Menggalakkan penghasilan video pendek yang dapat mendidik dan memelihara kesejahteraan rakyat serta membina tamadun berasaskan nilai Islam; dan,
- Mencungkil potensi video pendek sebagai medium untuk memberi kefahaman Islam kepada masyarakat Malaysia khususnya, dan masyarakat global, amnya.

## **TAKRIF**

Video Pendek Kefahaman Islam ditakrifkan sebagai:

1. Karya yang menampilkan segala keperihalan ideal dan realiti manusia yang mengukuhkan minda Islami khalayaknya;
2. Karya yang menonjolkan nilai-nilai baik dan mulia. Nilai-nilai buruk dan hina hendaklah tidak digambarkan secara keterlaluan, malah wajar dibanteras dan dikalahkan;
3. Karya-karya yang dengan keindahannya, meninggalkan rasa ketenteraman, kesan epik, kesan didaktik dan kesan kerohanian (Kesan epik ialah kesan semangat kepahlawanan dalam menegakkan yang hak. Kesan didaktik ialah kesan pengajaran tentang kebenaran dan kebatilan dalam kehidupan. Kesan kerohanian pula meninggalkan rasa dekat dengan Islam dan Allah);
4. Karya yang mempertahankan unsur estetika seni dan mempertahankan kebenaran; Karya yang mengangkat nilai-nilai kesucian sejagat, memaparkan konsep hubungan manusia dengan Pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam, serta pelbagai persoalan yang dapat membawa khalayak memahami dan menghayati perintah-perintah dan larangan-larangan Allah SWT dengan lebih baik; dan,
5. Karya yang disampaikan dalam gaya bahasa yang hidup dan bernes, baik yang tersurat, mahupun yang tersirat.

# TEMA

Kewujudan kepelbagaian di Malaysia adalah satu rahmat yang wajar disyukuri dan dihargai. Sehubungan itu, tema pertandingan yang diangkat pada tahun ini ialah “MADANI”. Karya hendaklah menggambarkan satu daripada enam nilai teras MADANI yang dicerakin sebagai kerangka dasar dan falsafah. Idea terasnya hendaklah berasaskan falsafah, pemikiran, cita-cita, aspirasi, perjuangan dan nilai-nilai “MADANI” yang diilhamkan oleh YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke-10, sebagai kerangka dasar bagi memartabatkan semula negara sebagai negara makmur dan dihormati. Bertemakan ‘Membangun Malaysia Madani’, konsep yang diperkenalkan ini ditegakkan oleh enam tonggak utama. Peserta hendaklah memilih satu daripada enam nilai MADANI yang perlu diterjemahkan dalam karya seperti;

1. **KEMAMPANAN** : Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan;
2. **KESEJAHTERAAN** : Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan;
3. **DAYA CIPTA** : Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia;
4. **HORMAT** : Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan.
5. **KEYAKINAN** : Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan;
6. **IHSAN** : Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan.
7. Para peserta sangat digalakkan untuk merujuk dokumen rasmi kerajaan berkenaan Malaysia Madani melalui pautan yang berikut <https://malaysiamadani.gov.my/>

# **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

## **Syarat khusus**

1. Peserta hendaklah memilih satu daripada enam nilai MADANI dan perlu diterjemahkan dalam karya.
2. Video pendek ini hendaklah berdurasi empat (4:00) hingga lima (5:00) minit. Durasi yang kurang daripada empat minit atau lebih daripada lima minit sepuluh saat (5:10) akan dibatalkan penyertaannya. (*Credit title*, jika ingin dimasukkan, hendaklah berada selepas minit ke-5:00 video tersebut);
3. Video pendek ini hendaklah menggunakan format \*.mov atau \*.mp4 dengan resolusi *Full HD, Ultra HD* atau *4K* sahaja; dan
4. Audio hendaklah jelas, mudah didengar dan berkualiti, dengan menggunakan peralatan audio seperti (a) *microfon* (b) *clip microfon* (c) *wireless microfon* atau (d) *boom microfon*.

## **Syarat umum**

1. Sebarang penggunaan hasil daripada Kecerdasan Minda atau *Artificial Intelligence* (AI) adalah dibenarkan dan perlu dinyatakan dalam borang penyertaan.
2. Penglibatan pembikin filem profesional, pensyarah, atau tenaga pengajar sebagai **pembimbing** adalah dibenarkan dengan syarat peranan mereka dinyatakan dengan jelas dalam borang penyertaan dan karya dihasilkan secara sah tanpa melanggar etika pertandingan.
3. Pertandingan ini terbuka kepada semua penuntut IPTA dan IPTS di Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama yang sedang mengambil kursus pada peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah;
4. IPT yang terlibat termasuklah Pra-U (Kolej Tingkatan 6, Matrikulasi dan Asasi), Kolej Komuniti, Institut Kemahiran, Politeknik, Institut Pendidikan Guru dan Universiti;
5. Penyertaan hendaklah secara berkumpulan dan wajib melibatkan sekurang-kurangnya (3) orang pelajar daripada IPT yang sama, yang memainkan peranan utama dalam penerbitan seperti **Pengarah / Penolong Pengarah / Penulis Skrip / Jurukamera / Penyunting**.

# **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

## ***Syarat umum***

6. Borang penyertaan pelajar dan senarai ahli kumpulan hendaklah disahkan oleh IPT yang diwakili.
7. Jumlah minimum ahli kumpulan adalah tiga (3) orang dan jumlah maksimumnya adalah lima (5) orang, termasuk Ketua Kumpulan. Penyertaan ahli bukan Islam dalam kumpulan tersebut amat digalakkan;
8. Setiap kumpulan dan ahli kumpulan hanya layak menghantar satu (1) video pendek sahaja (Nama yang sama tidak boleh berada dalam dua kumpulan yang berbeza);
9. Karya hendaklah dihasilkan dalam **Bahasa Melayu dengan (sarikata Bahasa Inggeris)**.
10. Karya yang dihasilkan untuk pertandingan ini mestilah karya asli, bukan terjemahan, saduran atau penyesuaian daripada video pendek lain yang belum diterbitkan atau apa sahaja pengertian yang boleh menyebabkan karya tersebut bukan merupakan karya asli. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya karya yang dikemukakan tidak asli atau diciplak;
11. Video pendek yang dikemukakan mestilah yang dicipta khusus untuk pertandingan ini dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan, sama ada pada peringkat kebangsaan, ataupun antarabangsa;
12. Video pendek yang dipertandingkan tidak boleh digunakan untuk tujuan penyiaran lain sebelum keputusan peraduan diumumkan;
13. Tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video pendek ini;
14. Peserta yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di atas akan dibatalkan penyertaannya;
15. Pihak pengajur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos atau kerugian yang ditanggung oleh peserta;
16. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang rasmi yang boleh didapati daripada urusetia atau daripada laman web IKIM: [www.ikim.gov.my](http://www.ikim.gov.my)
17. Pegawai dan kakitangan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta ahli keluarga terdekat mereka tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini;

# **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

## ***Syarat umum***

18. Penyertaan hendaklah die-melkan kepada: **[vipkimadani@ikim.gov.my](mailto:vipkimadani@ikim.gov.my)**
19. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Norhaffizah binti Razak (E-mel: **[norhaffizahrazak@ikim.gov.my](mailto:norhaffizahrazak@ikim.gov.my)** atau Tel: 03-62046356);
20. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Julai 2025. Keputusan peraduan akan diumumkan pada November 2025;
21. Setiap penyertaan akan melalui saringan Jawatankuasa Teknikal yang akan memastikan pematuhan segala syarat teknikal yang ditetapkan;
22. Penyertaan yang melepas saringan Jawatankuasa Teknikal akan disenaraipendekkan oleh Jawatankuasa Penilai Dalaman yang terdiri daripada Pengarah Pusat Media, wakil Pusat Akademik/Bahagian, dan Ketua Unit IKIM;
23. 30 penyertaan yang disenaraipendekkan layak ke Pusingan Akhir untuk diadili oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang dibentuk oleh IKIM. Keputusan Jawatankuasa Panel Penilai adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan;
24. Pemenang akan dihubungi melalui telefon dan e-mel; dan,
25. Lapan (8) karya yang menang akan menjadi hakmilik IKIM dan IKIM berhak untuk menerbit, mengeluarkan, memapar, mengedaran, menyunting dan menayangkan pada skrin platform media seperti pada laman web, pameran, dan/atau mana-mana media lain atau media sosial untuk apa-apa tujuan yang wajar mengikut kekerapan yang difikirkan patut. IKIM akan memberi kredit kepada pengkarya yang video pendeknya ditayangkan.

## **HADIAH**

Yang berikut ialah hadiah-hadiah yang ditawarkan:

1. **Hadiah Pertama** : RM 15,000 berserta Sijil Penyertaan dan trofi
2. **Hadiah Kedua** : RM 10,000 berserta Sijil Penyertaan dan trofi
3. **Hadiah Ketiga** : RM 5,000 berserta Sijil Penyertaan dan trofi
4. Lima (5) hadiah saguhati yang bernilai RM 1,000 setiap satu berserta Sijil Penyertaan.
5. Sijil Penyertaan akan diberikan kepada semua peserta.

**PERTANDINGAN MEREKACIPTA VIDEO PENDEK KEFAHAMAN  
ISLAM (VIPKI) UNTUK PENUNTUT IPT 2025**  
**ANJURAN**  
**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**

TEMA: **MADANI**

NILAI DIPILIH

Bersama-sama ini disertakan karya kami bertajuk:

**KETERANGAN AHLI KUMPULAN:**

1. Nama penuh (Ketua)  
No. Kad Pengenalan  
No. Telefon  
Nama IPTA/IPTS/Organisasi  
E-mel  
No. Matriks
2. Nama penuh  
No. Kad Pengenalan  
No. Telefon  
Nama IPTA/IPTS/Organisasi  
E-mel  
No. Matriks
3. Nama penuh  
No. Kad Pengenalan  
No. Telefon  
Nama IPTA/IPTS/Organisasi  
E-mel  
No. Matriks
4. Nama penuh  
No. Kad Pengenalan  
No. Telefon  
Nama IPTA/IPTS/Organisasi  
E-mel  
No. Matriks

**BUTIRAN PENGLIBATAN TENAGA PROFESIONAL**

5. Nama penuh  
No. Kad Pengenalan  
No. Telefon  
Nama Organisasi  
Jawatan  
E-mel

Terdapat penggunaan Kecerdasan Minda atau Artificial Intelligence (AI)

 YA  TIDAK

Dengan ini saya mengesahkan bahawa video pendek ini ialah karya asli kami dan memenuhi syarat-syarat pertandingan.

**Tandatangan**  
(KETUA KUMPULAN)**Disahkan oleh IPT**  
(cop rasmi dan  
tandatangan pegawai)